

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	18/11/2019	MUKA SURAT : 29
JABATAN	:	SPAN / AIR SELANGOR	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Skim air percuma masih diteruskan

Kerajaan Selangor tidak pernah hentikan pemberian air percuma

ASYRAF MUHAMMAD

KLANG

Kerajaan Selangor tidak pernah menghentikan sebarang pemberian air percuma kepada rakyat seperti yang dibangkitkan oleh sesetengah pihak sebelum ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri berkata, sejak skim tersebut diperkenalkan pada 2008, kerajaan negeri mendapati terdapat kesan



Azmizam (lima dari kanan) dan Yusof (enam dari kiri) menunjukkan bidal yang dibentangkan kepada penduduk di Klang semalam.

baik dan buruk menerusi pemberian air percuma tersebut.

Beliau berkata, dengan pertambahan penduduk di negeri pada setiap tahun, penggunaan air domestik semakin meningkat dan

kerajaan Selangor juga perlu mengambil langkah dalam menangani kos rawatan air terawat untuk dibekalkan kepada seluruh rakyat.

"Disebalkan itu, kerajaan negeri melaksanakan

penjajaran semula skim air percuma ini bagi memastikan ia sampai kepada golongan sasar yang berpeluang bawah RM4,000.

"Di samping itu, melalui penjajaran ini juga kita nak mendidik rakyat untuk le-

bih menghargai air dan dapat melakukan penjimatan dalam kegunaan harian mereka," katanya selepas Majlis Tautan Kasih Bandar Parliands Dun Pelabuhan Klang di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Ja-

batan Perkhidmatan Pengebangan Pelanggan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Yusof Saroji.

Mengulas mengenai program berkenaan, Azmizam berkata, pihaknya bersama Air Selangor turut mengedarkan bidal pelbagai saiz yang boleh dipasang di paip rumah penduduk di sini sebagai langkah penjimatan penggunaan air.

"Bidal ini diberi secara percuma oleh Air Selangor dan bila dipasang, ia dapat membantu dan menggalakan penduduk untuk menjimatkan penggunaan air harian mereka," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berharap seluruh rakyat dapat bersama-sama menghargai penggunaan sumber air di negeri ini dan melakukan penjimatan demi kesejahteraan semua pihak.